



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
2755 Jalan Sentosa,
86000 Kluang, Johor.

Tel : 07-772 2946
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : PPDKLG.600-3/3/1 Jld.4 (4)
Tarikh : 5 Jun 2025

Guru Besar
SJKC Daerah Kluang

Tuan,

HEBAHAN PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK BAHASA CINA TAHAP 1 BAGI SJKC DAERAH KLUANG TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pertandingan Deklamasi Sajak Bahasa Cina bagi SJKC Daerah Kluang akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 26 Jun 2025 (Khamis)
Masa Pendaftaran : 12.30 tengah hari
Masa Pertandingan : 1.30 petang
Tempat : SJKC Chong Hwa 2, Kluang
Pautan Pendaftaran : <https://forms.gle/TGR9JC2tx41uXG546>

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama pihak tuan untuk memberi kebenaran kepada guru pengiring dan murid di bawah seliaan tuan untuk menyertai pertandingan ini. Pastikan pelibatan murid mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga. Pihak sekolah juga diingatkan supaya sentiasa menjaga kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid sepanjang program berlangsung serta mematuhi garis panduan yang sedang berkuat kuasa.

4. Segala pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi En. Hairul Azuan bin Ahdan, Penolong PPD Pembangunan Bakat Murid, Pejabat Pendidikan Daerah Kluang di talian 07-7741103 atau En. Ngo Hoe Seng, GPK Kokurikulum SJK(C) Chong Hwa 2 di talian 07-7712831. Kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.


Sekian untuk makluman dan tindakan tuan. Terima kasih.

"SYNERGY IN EXECUTION: CONQUER THE CHALLENGE"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ZAINUDDIN BIN MD RAMLAN)
Timbalan PPD Pembangunan Murid
b.p Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang

Sk : Fail



Untuk Perhatian:	
GURU BESAR	
GPK 1	
GPK HEM	
GPK KK	✓
GURU	✓
PT/PTR/PAP	

Loa, SPL

5/6/2025